



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Bahasa Kebangsaan (Pindaan dan Perluasan) 1983

DR.1/1983

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, dan bagi memperluaskan kuatkuasa Akta itu, sebagaimana dipinda, ke semua bahagian dalam Malaysia.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bahasa Kebangsaan (Pindaan dan Perluasan) 1983 dan hendaklah dipakai di seluruh Malaysia.

Tajuk
ringkas
dan
pemakaian.

2. Seksyen 1 Akta Bahasa Kebangsaan, 1963/67, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 1.
Akta 32.

(a) dengan memotong noktah yang terdapat selepas sahaja perkataan-perkataan "1963/1967" dalam subseksyen (1) dan menambah yang berikut :

"dan hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (2), dipakai di seluruh Malaysia.";

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "tidak di-pakai bagi Malaysia Timor" dalam subseksyen (2) dengan yang berikut :

"hendaklah mula berkuatkuasa di Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak pada tarikh-tarikh yang ditetapkan oleh Pihak-Pihak

Berkuasa Negeri masing-masing, melalui enakmen Badan Perundangan Negeri masing-masing dan tarikh-tarikh yang berlainan boleh ditetapkan bagi mula berkuatkuasanya peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta ini di Negeri-Negeri itu"; dan

- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Tajok ringkas dan pemakaian." dalam nota birai dengan perkataan-perkataan "Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuatkuasa."

3. Seksyen 5 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan noktah bertindih yang terdapat selepas sahaja perkataan-perkataan "mengikut mana yang berkenaan" dengan noktah; dan
- (b) dengan memotong proviso di dalamnya.

Pindaan
seksyen 5.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 dan bagi memperluaskan kuatkuasa Akta itu, sebagaimana dipinda, ke semua bahagian dalam Malaysia.

2. *Fasal 2* Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 1 Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pemakaian Akta ke semua bahagian dalam Malaysia dan juga peruntukan-peruntukan bagi Badan Perundangan Negeri Sabah dan Badan Perundangan Negeri Sarawak melalui enakmen Negeri masing-masing menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta di Negeri-Negeri itu.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 5 Akta yang menjadikan pemakaian bahasa Inggeris dalam Parlimen oleh ahli-ahli bagi dan dari Negeri Sabah atau Negeri Sarawak sama tahapnya dengan rakan sejawat mereka dari Semenanjung.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1082.]